

Kerajaan pandang serius usaha tangani kepupusan populasi Harimau Malaya

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kerajaan serius menangani isu populasi Harimau Malaya yang semakin terancam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bilangan Harimau Malaya atau nama saintifiknya *Panthera Tigris Jacksoni* di hutan negara yang kini direkodkan kurang

Tinggal 150 ekor sahaja

daripada 150 ekor.

“Antara lain, ia disebabkan kehilangan habitat dan sumber makanan akibat perubahan guna tanah, pemburuan serta perdagangan haram selain penularan virus *canine distemper*,” katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] telah dipinda dan diluluskan oleh Parlimen pada 21 Disember 2021 untuk meningkatkan keberkesanan perundangan konservasi hidupan liar termasuk Harimau Malaya.

“Melalui pindaan tersebut, denda maksimum ditingkatkan daripada RM500,000 kepada

RM1 juta dan penjara maksimum daripada 10 kepada 15 tahun supaya mencegah dan memberi pengajaran kepada pelaku jenayah hidupan liar,” katanya.

Tegas Perdana Menteri, terdapat peruntukan baharu bagi membolehkan tindakan diambil terhadap individu yang mengiklankan penjualan hidupan liar dalam talian.

“Jika tindakan segera tidak dilakukan, Malaysia berhadapan risiko kepupusan Harimau Malaya yang menjadi simbol Jata Negara, lambang negeri-negeri serta pelbagai kementerian, jabatan dan agensi,” kata beliau.

Perkara, yang lebih mem-



Ismail Sabri (tengah) mempengerusikan mesyuarat Pertama Pasukan Petugas Kebangsaan Bagi Konservasi Harimau Malaya di Putrajaya.

bimbangkan beliau, spesies ikonik negara akan hilang buat selama-lamanya.

“Mesyuarat pertama Pasukan Petugas Kebangsaan Bagi Konservasi Harimau Malaya (MyTTF) bersetuju dengan Tindakan-Tindakan Strategik Bagi Konservasi Harimau Malaya bagi tempoh 10 tahun 2021 hingga 2030 melalui enam pendekatan,” katanya.

ia merangkumi rondaan penguatkuasaan dan pengawalan melibatkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta komuniti orang asli.

“Pengekalan dan pengukuhan habitat melalui pengurusan guna tanah yang mampan diambil dan sebarang kegiatan pencerobohan serta pemburuan haram dihentikan,” katanya.

Ismail Sabri berkata, kawasan hutan sedia ada di semenanjung ditingkatkan daripada 43.41 kepada 50 peratus menjelang tahun

2040 selaras dengan Rancangan Fizikal Negara Keempat.

“Unit Konservasi Harimau Malaya di bawah Perhilitan dan Biro Jenayah Hidupan Liar di bawah PDRM ditubuhkan serta Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan sebagai *centre of excellence* diperkukuhkan bagi konservasi ex-situ Harimau Malaya,” katanya.

Kempen Selamatkan Harimau Malaya turut diadakan bagi meningkatkan kesedaran dan penglibatan rakan strategik.

MyTTF dipengerusikan Ismail Sabri dan dihadiri Menteri Besar Negeri Sembilan, Pahang, Selangor serta ahli majlis kerajaan negeri mewakili Menteri Besar Kelantan, Terengganu, Johor, Kedah dan Perak.

Di peringkat Persekutuan, ia dihadiri Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan dan Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz serta wakil kementerian, jabatan dan agensi yang berkaitan.

Harimau Malaya

Panthera tigris jacksoni

■ Subspesies yang unik untuk Semenanjung Malaysia

Tahukah anda :



Belang harimau adalah seperti cap jari, tidak ada dua harimau yang mempunyai corak belang serupa



Penglihatan harimau di waktu malam adalah enam kali lebih baik daripada pemandangan manusia



Boleh ditemui di hutan di negeri-negeri ini

■ Antara harimau terkecil di dunia

■ Dianggarkan terdapat **3,000** harimau di Malaysia pada sekitar 1950an. Malangnya, angka itu berkurangan kepada hanya **250-340** ekor dalam tempoh setengah abad

Ancaman :

Pemburuan & perdagangan hidupan liar haram

Kehilangan habitat kerana penebangan hutan & pemecahan habitat